

03/08/2000

Pusat Perindustrian Bernam tetap dibina

WALAUPUN pembangunan Bandar Proton ditangguhkan, tetapi Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) dengan Litaran Bayu Sendirian Berhad (Litaran) akan meneruskan pelaksanaan projek Pusat Perindustrian Bernam (BIP) di Tanjung Malim.

Pengerusi Litaran, Tan Sri Mohd Ramli Kushairi berkata, Langkah itu penting kerana BIP berpotensi sebagai tapak Industri Kecil dan Sederhana (IKS) berorientasikan bidang automotif, kawasan perumahan dan blok perniagaan yang akan menjadi daya penggalak kepada pembangunan Bandar Proton.

"Kami perlu meneruskan pembangunan di kawasan itu kerana pelabur menunjukkan minat yang tinggi untuk membuka industri hiliran di bidang automotif di kawasan itu walaupun pembinaan Bandar Proton ditangguhkan," katanya kepada Berita Harian di Tanjung Malim di sini, semalam.

Beliau berkata, pembangunan BIP sedang rancak dilaksanakan sekali gus akan menjadi penyumbang ke arah mewujudkan bandar setelit di selatan Perak sama seperti Shah Alam di Selangor.

BIP dilancarkan oleh bekas Menteri Besar Perak, Tan Sri Ramli Ngah Talib pada 18 Jun 1996, selepas tiga bulan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meletak batu asas Bandar Proton.

Mohd Ramli berkata, projek pembangunan usaha sama itu akan dibangunkan di dalam tiga fasa, membabitkan kawasan seluas kira-kira 180 hektar.

Fasa pertama membabitkan kawasan seluas 52 hektar akan dibangunkan dengan 300 unit kilang IKS dan pusat komersil, yang dianggarkan bernilai RM52 juta.

Ramli berkata, fasa dua dan tiga pula membabitkan kawasan 113 hektar, dikhususkan untuk membina 1,900 unit rumah pelbagai jenis yang akan dilaksanakan mulai 2002.

Katanya, beliau percaya Tanjung Malim yang terletak di kawasan projek Lembah Bernam mampu muncul sebagai kawasan pertumbuhan ekonomi kerana beberapa projek mega yang akan dilaksanakan kerajaan di sekitar Bandar Proton.

"Antara projek terbabit ialah pembinaan kampus baru Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan pembinaan landasan berkembar keretapi komuter antara Rawang-Ipoh melalui pekan ini," katanya.

Sementara itu, Menteri Besar, Datuk Seri Mohd Tajol Rosli Ghazali, berkata kerajaan negeri berpuas hati terhadap kemajuan pembangunan BIP.

Beliau yang melawat kawasan terbabit, baru-baru ini turut menghargai kesungguhan pemaaju meskipun mengalami kesukaran akibat terkena tempias kegawatan ekonomi.

"Kerajaan negeri puas hati dengan komitmen Litaran yang terus bertindak membangunkan kawasan itu.

"Saya memberi jaminan kerajaan negeri bersedia memberi bantuan yang sesuai untuk melicinkan perjalanan projek demi kepentingan rakyat," katanya.

(END)